

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Page No

Orang ramai diminta guna kontraktor elektrik berdaftar  
15 December 2011 (Thursday)  
Berita Harian  
Nasional  
21

Frequency  
Circulations/Readership  
Colour  
Language  
Journalist

Daily  
160,597/1,093,000  
Black & White  
Bahasa Malaysia  
Munira Abdul Ghani

# Orang ramai diminta guna kontraktor elektrik berdaftar

**K**UALA LUMPUR: Orang ramai diminta menggunakan khidmat kontraktor elektrik berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk kerja pendawaian elektrik bagi memastikan keselamatan elektrik di premis mereka lebih terjamin.

Pengarah Keselamatan Elektrik, Jabatan Kawal Selia Keselamatan Elektrik, Suruhanjaya Tenaga, Abdul Rahim Ibrahim, berkata ini berikutan kontraktor terbabit tertakluk kepada kehendak perundangan dan arahan yang dikeluarkan pihaknya dari semasa ke semasa.

Selain dikehendaki mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, katanya, Suruhanjaya Tenaga menganjurkan Pekeliling 2008 bagi mewajibkan pendawaian elektrik dibuat selaras dengan kehendak Standard MS IEC 60364 Pemasangan Wayar di Dalam Bangunan menggantikan standard lain yang digunakan sebelum itu.

Beliau berkata, pekeliling itu juga mewajibkan kontraktor elektrik



*Pengilang dan pengimport perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan daripada kami terlebih dulu sebelum urusan pengilangan dan pengimportannya dibuat*

**Abdul Rahim Ibrahim**  
Pengarah Keselamatan Elektrik,  
Jabatan Kawal Selia Keselamatan Elektrik,  
Suruhanjaya Tenaga

● MUNIRA ABDUL GHANI | BERITA HARIAN



hanya menggunakan kelengkapan, aksesori dan wayar yang diluluskan dalam kerja pendawaian, yang mana ia perlu mempunyai label keselamatan SIRIM-ST.

"Wayar elektrik daripada saiz 0.5 hingga 35 milimeter (mm) persegi yang digunakan untuk pendawaian

tetap di dalam bangunan adalah satu daripada kelengkapan yang dikawal dari aspek pengilangan dan pengimportannya. Pengilang dan pengimport perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan daripada kami terlebih dulu sebelum urusan pengilangan dan pengimportannya di-

buat," katanya kepada *Berita Harian* di Balai Berita The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di sini, semalam.

Beliau mengulas pendedahan pakar elektrik bahawa kebanyakan projek perumahan baru menggunakan kabel substandard yang tidak bermutu dan boleh mengancam keselamatan penghuni, jika berlaku kebakaran akibat litar pintas.

Abdul Rahim berkata, selepas mendapat kelulusan pihaknya, pengilang dan pengimport masih perlu mendapatkan skim pengesahan SIRIM bagi tujuan pelabelan wayar sebelum ia dipasarkan.

"Bagaimanapun, tiada kelulusan untuk mengimport wayar elektrik dari negara luar dikeluarkan, melainkan pengilang di luar negara yang sudah mendapat pengesahan SIRIM," katanya.

Suruhanjaya Tenaga boleh dihubungi di talian bebas tol 1-800-222-78 atau 03-88708500 atau faks kepada 03-88888637 atau melalui aduan di laman web [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).